

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 FEB 2015

KEDAULATAN KITA...

Um-15/2/2015

SEBENARNYA tidak teruja untuk Awang menulis berkaitan hukuman penjara terhadap Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim atas kesalahan meliwat. Memang terlalu banyak asas mensabitkan beliau, yang pasukan pendakwa raya diketuai Shafee Abdullah berjaya buktikan. Akhirnya Anwar mencatat sejarah, pemimpin yang dua kali dipenjarakan atas kesalahan meliwat mengatasi rekod bekas Presiden Zimbabwe, Canaan S. Banana yang dijatuhi hukuman penjara 10 tahun, juga atas kesalahan meliwat pembantu peribadi Jeff Dube pada 1998.

Keputusan Mahkamah Persekutuan mengekalkan Anwar bersalah disambut dengan tenang oleh rakyat Malaysia. Kematangan terserlah apabila rakyat tidak terheret dengan cubaan membantah keputusan itu di jalanan. Setakat ini, beberapa penganjuran bantahan itu tidak mendapat sambutan orang ramai dengan jumlah yang agak luar biasa kecil. Sesungguhnya rakyat sudah bosan dengan demonstrasi jalanan dan kekecohan apatah lagi untuk memperjuangkan pemimpin yang menghadapi masalah moral yang serius. Lagipun keadilan bukan semata-mata untuk pemimpin seperti Anwar, rakyat kecO seperti Mohd. Saiful Bukhari Azlan yang menjadi mangsa liwat, juga punya hak.

Yang lebih Awang teruja untuk bangkitkan sambil berasa bimbang ialah campur tangan negara dan pihak asing terhadap kes tersebut. Ini termasuk kerajaan Amerika Syarikat (AS) yang

seperti biasa mahu mengenakan tekanan ke atas Malaysia antaranya menerusi petisyen untuk membebaskan segera Anwar. Awang setuju dengan mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, kuasa besar itu tiada sebab untuk mempersoalkan keputusan Mahkamah Persekutuan negara ini apatah lagi untuk membuli Malaysia.

Rakyat Malaysia juga kata beliau, wajar membuat petisyen yang sama supaya AS jangan mengganggu urusan negara ini.

Pada Awang, inilah akibatnya jika ada pemimpin seperti Anwar yang suka mengundang campur tangan asing. Sudah belasan tahun lamanya beliau melobi ke luar negara untuk berkuasa, terlalu banyak mentohmah

kerajaan Malaysia dan sentiasa berusaha mendapatkan sokongan dunia agar mengenakan tekanan kepada negara kita semata-mata mahu menyelamatkan diri di sebalik kesalahannya.

Belajarlah sejarah pengkhianatan bagaimana tumbangnyanya sesebuah tamadun dan negara termasuk empayar Melaka angkara si Kitul. Kini strategi dan pelaburan Anwar selama ini menjadi. Kuasa besar seperti AS mahu "meliwat" pula sistem perundangan dan kehakiman kita biarpun majoriti rakyat Malaysia akur dan menghormati keputusan mahkamah. Bagi Awang, Anwar bukan sahaja mempunyai kesalahan jenayah seksual malah mengundang campur tangan asing, yang kesalahannya itu jauh lebih besar. Kedaulatan tiada gelang gantinya.



DR. MAHATHIR